

# Bandar Bio-Melaka RM1.5b dilancar

um 21/6/08  
m/s 24

Daripada LUKMAN ISMAIL

## SAN DIEGO, CALIFORNIA

20 Jun - Bandar Bio-Melaka yang akan dibina di Alor Gajah dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.5 bilion dijangka mampu menempatkan sehingga 60 syarikat bioteknologi dari seluruh dunia dalam tempoh tujuh tahun.

Bandar yang dimajukan oleh Actis Biologics Sdn Bhd, iaitu syarikat pelaburan Amerika Syarikat-India di kawasan seluas 88 hektar itu akan dibangunkan dalam tempoh enam hingga lapan bulan akan datang.

Pengerusi Actis Biologics, Sanjeev Saxena berkata, selain mampu menempatkan 60 syarikat bioteknologi tempatan dan antarabangsa, Bandar Bio-Melaka itu juga bakal didiami sehingga 5,000 penduduk.

"Matlamat kami ialah untuk menyediakan

sebuah kawasan pembangunan dalam bidang sains hayat yang berpusat dan dilengkapi dengan segala kemudahan.

"Ini bagi menjadikan Bandar Bio-Melaka sebagai pusat kegiatan dalam bidang teknologi kesihatan terunggul," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia selepas Majlis Pelancaran Bandar Bio-Melaka sempena Persidangan Antarabangsa Bioteknologi 2008 (BIO 2008), di Pusat Konvensyen San Diego, di sini semalam.

Majlis pelancaran bandar tersebut disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus James Ongkili.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp.), Datuk Iskandar Mizal Mahmood.

Saxena berkata, selain menempatkan pejabat korporat Actis Biologics, Bandar Bio-

Melaka juga akan dilengkapi dengan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), Institut Sains Hayat, Pusat Pengeluaran dan Kompleks menempatkan pejabat-pejabat syarikat bioteknologi.

"Selain itu, ia juga akan dilengkapi dengan kemudahan penempatan persendirian, hotel dan apartmen, kompleks sukan dan pengangkutan yang efisien," katanya.

Beliau berkata, pembangunan bandar tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun akan datang.

Ini merupakan pelaburan kedua yang diterima oleh negeri Melaka sepanjang BIO 2008 selepas ini sebuah syarikat berpangkalan di India, Vivo Bio Tech Ltd. akan melabur sebanyak RM450 juta bagi memajukan bidang perubatan bio-terapeutik di negeri itu.